



**KUMPULAN** An-Nashir bergambar kenangan bersama murid-murid SK Timbang selepas melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah di sekolah berkenaan di Kota Belud, baru-baru ini.

## UMS 'bakar' semangat murid SK Timbang

UM 25.2.2015 26

**KOTA BELUD 24 Feb.** - Kehadiran Kumpulan An-Nashir melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Timbang dekat sini baru-baru ini turut memberi kesan positif kepada pembangunan sukan bola sepak sekolah itu.

Jurulatih Kelab Bola Sepak SK Timbang, Royneli Karso Dimis berkata, hal demikian kerana kumpulan dari universiti berkenaan telah menyerahkan sumbangan bola sepak yang sedikit sebanyak membakar semangat juang pasukan bola sepak sekolah berkenaan yang se-

lama ini terkesan dengan bencana banjir.

"Pasukan bola sepak sekolah ini akan menyertai pertandingan bola sepak peringkat Zon Utara pada 3 hingga 4 Mac ini," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Royneli memberitahu, pihak kelab amat menghargai sumbangan tersebut dan berazam untuk mengekalkan kejuaraan tahun lalu.

Sempena program CSR itu, Kumpulan An-Nashir dari UMS turut menyediakan beberapa aktiviti menarik seperti demonstrasi penjagaan gigi oleh Pusat Rawatan Warga UMS dan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Penolong Guru

Besar Sekolah Rendah Islam (SRI) Kota Kinabalu, Ustaz Mohd. Tarmizi Mohd.

Sementara itu, salah seorang murid tahun enam sekolah tersebut, Irsyad Ilham Asrie melahirkan rasa gembira dan berterima kasih kepada pihak UMS khususnya Kumpulan An-Nashir kerana memilih sekolah mereka bagi projek amal berkenaan.

Jelas Irsyad Ilham, sekolah mereka mengalami banyak kerosakan akibat banjir baru-baru ini.

"Bantuan dan aktiviti yang disediakan seperti ceramah motivasi banyak membantu memberi semangat kepada kami, baik dari segi pelajaran maupun sukan," katanya.